

CNS7401

U GB 15-03 00257 BA005

AAB

Mahathir - Sabah

BN AKAN TEMUI KERUAK UNTUK TUBUH KERAJAAN PADA MASA YANG SESUAI

T

KUALA LUMPUR, 15 Mac (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) akan menunggu masa yang sesuai untuk menemui Yang Dipertua Negeri Sabah, Tun Mohamed Said Keruak bagi menubuhkan kerajaan negeri yang baru mengikut peruntukan perlembagaan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Katanya, BN akan memperolehi majoriti di Dewan Undangan Negeri berikutan beberapa orang pemimpin Parti Bersatu Sabah (PBS) keluar daripada parti itu dan menyertai Barisan dan penubuhan parti baru oleh Datuk Jeffrey Kitingan yang mahu menyertai BN.

"Ini bermakna kita mempunyai majoriti dan terpaksa diadakan satu undi tidak percaya terhadap kerajaan negeri yang sedia ada. Kami berharap kebanyakan daripada anggota dewan undangan negeri itu akan dapat membuat keputusan untuk menubuhkan kerajaan," katanya kepada pemberita selepas mengadakan majlis Rumah Terbuka untuk orang kenamaan di kediamannya di Seri Perdana.

Persidangan Dewan Undangan Negeri Sabah yang pertama sejak pilihan raya negeri itu bulan lepas dijadualkan Jumaat ini.

Perdana Menteri yang juga Presiden UMNO berkata, PBS kini mempunyai kurang daripada separuh bilangan kerusi di dewan undangan negeri itu walaupun dengan enam orang anggota dewan yang dilantik.

Dr Mahathir juga berkata bahawa tiga suku daripada anggota dewan undangan negeri dari PBS dijangka menyertai BN.

Sehingga tengah hari ini, Japan orang anggota Dewan Undangan Negeri PBS termasuk Setiausaha Agung parti itu, Datuk Joseph Kurup dan Jeffrey, adik Ketua Menteri, Datuk Joseph Pairin Kitingan, telah mengumumkan keluar daripada parti itu untuk menyertai BN. -- Lagi.

♥15/03/15-14MST

CNS7415

U GB 15-03 00161 BA006

AAB

Mahathir - Sabah 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata, BN akan meluluskan permohonan oleh Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRs) untuk menyertai BN. Majlis perasmian PBRs dilancarkan hari ini di Kota Kinabalu dengan Kurup sebagai Presiden sememutarakannya dan Jeffrey sebagai timbalannya.

Kurup ialah anggota dewan undangan negeri kawasan Sook manakala Jeffrey pula ialah anggota dewan undangan negeri kawasan Bingkor.

PBS memenangi pilihan raya negeri bulan lepas dengan majoriti tipis setelah memperolehi 25 buah kerusi dan kemudian melantik enam anggota lagi seperti yang diperuntukkan perlembagaan. BN pula memenangi 23 buah kerusi.

"Saya tidak nampak bagaimana PBS boleh terus memerintah kerana jelas bahawa mereka kini mempunyai kurang daripada separuh bilangan kerusi walaupun termasuk enam anggota dilantik itu," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata, BN akan memenuhi janjinya iaitu jawatan Ketua Menteri akan silih berganti antara pemimpin tiga kumpulan utama di negeri itu dengan setiap pemimpin memegang jawatan itu untuk tempoh dua tahun. -- Lagi.

♥15/03/15-38MST

CNS742J

U GB 15-03 00207 BA007

AAB

Mahathir - Sabah 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Mengenai pertemuannya dengan Jeffrey malam tadi, Perdana Menteri berkata, beliau tidak membuat apa-apa keputusan ketika itu kerana beliau hanya diberitahu bahawa terdapat beberapa orang anggota dewan undangan negeri PBS akan keluar daripada parti itu dan belum ada parti baru yang ditubuhkan.

"Saya menyatakan bahawa saya mahu setiap anggota menubuhkan sebuah kerajaan yang mampu mewakili dan bekerja untuk semua rakyat Sabah dan bukan hanya untuk sekumpulan kecil rakyat Sabah kerana buat masa ini seolah-olah hanya segelintir rakyat negeri itu yang memperolehi faedah," kata Dr Mahathir.

"Saya mahu kerajaan negeri yang akan ditubuhkan itu agar betul-betul menumpukan kepada pembangunan negeri itu dan rakyatnya. Slogan Sabah Untuk Orang Sabah hendaklah dibuang," katanya.

Perdana Menteri juga mahu kerajaan negeri yang baru bekerjasama rapat dengan kerajaan pusat untuk membangunkan Sabah.

"Kerajaan negeri akan ditubuhkan secepat yang mungkin. Kami akan tunggu sehingga keadaannya menjadi lebih jelas; buat masa ini ia tidak berapa jelas," katanya.

Dengan tindakan Kurup keluar daripada PBS, BN kini mempunyai 31 orang anggota termasuk seorang anggota yang dilantik di dewan undangan negeri Sabah manakala PBS hanya mempunyai 23 orang anggota termasuk lima orang anggota yang dilantik. -- Bernama.

TCL KAM.

♥15/03/15-52MST